

SUMBER PENGETAHUAN BERAGAMA DAN TAHAP KEFAHAMAN MUALLAF DI BAHAGIAN PANTAI BARAT SABAH

Sarip bin Adul,
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian terhadap sumber pengetahuan dan tahap kefahaman muallaf terhadap beberapa istilah fiqh. Persoalan yang diketengahkan ialah dari manakah muallaf memperoleh pengetahuan mengenai agama Islam dan sejauh manakah kefahaman mereka terhadap beberapa istilah fiqh. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui sumber muallaf memahami ajaran Islam dan kefahaman muallaf terhadap beberapa istilah fiqh. Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah persampelan dan soal selidik. Data kajian dianalisis menggunakan pakej Statistik SPSS versi 21. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Kajian ini mendapati masih terdapat muallaf yang belum pernah menghadirkan diri ke mana-mana kelas bimbingan agama secara rasmi. Dapatan kajian juga menunjukkan kefahaman muallaf mengenai istilah fiqh adalah rendah walaupun istilah tersebut masyhur dalam kalangan umat Islam.

1.0 PENDAHULUAN

Ada pendapat menyebut bahawa agama Islam dipercayai sampai ke beberapa kawasan berhampiran Sabah kira-kira abad ke-10, manakala pendapat lain menyebut sekurang-kurang pada abad ke-11 dan ke-12. Namun sumber yang dapat diterima menunjukkan Islam hanya mula diterima penduduk tempatan Sabah pada abad ke 15 dengan wujudnya manuskrip asal bertulisan Jawi dalam bahasa Idahan di Lahad Datu yang bertarikh 1408M. Sejak itu Islamlah yang membentuk sejarah kebangunan dan tamadun umat di Sabah.¹

Perkembangan Islam semakin rancak ketika pemerintahan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu yang mana kedua-dua kerajaan tersebut adalah pemilik awal bumi Sabah. Kedua-dua kerajaan ini pula merupakan sebahagian daripada rangkaian kerajaan-kerajaan Islam yang wujud di Kepulauan Melayu.²

Gerakan pengislaman besar-besaran berlaku pada tahun 1970an yang dipelopori oleh USIA (*United Sabah Islamic Association*). USIA bukan sekadar berperanan mengerakkan dakwah kepada bukan Islam, ia juga menyumbang secara khusus kepada penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pada 15 September 1971, pembinaan sekolah-sekolah agama, pertambahan jumlah masjid dan surau, mewujudkan perkampungan baru Islam khususnya di kawasan pedalaman.³

Dakwah dan pengislaman di Sabah tidak pernah berhenti. MUIS dan agensinya JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) telah meneruskan usaha tersebut di samping NGO Islam yang lain yang terlibat secara langsung dengan dakwah di Sabah. Menurut sumber dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, antara tahun 2000 hingga 2009 sahaja seramai 18,491 orang bukan Islam telah memeluk agama Islam di Sabah dan sebahagian besarnya ialah di kawasan Pantai Barat iaitu seramai 8514. Jadual 1 menunjukkan perincian bagi setiap bahagian.

Jadual 1: Data Pengislaman DI Negeri Sabah dari Tahun 2000 hingga 2009.

Bi l	Bahagian	Bandar	200 0	200 1	200 2	200 3	200 4	200 5	200 6	200 7	200 8	200 9	Jumla h
1	Kudat	Kudat	20	27	40	43	42	8	39	48	79	45	391
		Kota Marudu	0	0	24	0	0	102	66	61	146	105	504
		Pitas	10	0	14	25	23	23	19	20	33	27	194
		Matunggong	7	9	0	22	14	21	16	42	14	11	156
		Banggi	0	0	0	4	0	0	5	0	13	22	44
JUMLAH												1289	
2	Pantai Barat	Kota Kinabalu	406	475	398	534	555	708	589	447	689	762	5563
		Ranau	66	73	68	91	94	107	114	128	191	136	1068
		Tuaran	52	78	25	73	66	0	78	79	97	103	651
		Papar	33	38	34	64	58	48	60	48	46	47	476
		Kota Belud	51	63	24	52	59	73	0	39	130	83	574
		Penampang	2	8	6	14	23	27	16	18	45	23	182
JUMLAH												8514	
3	Pedalama n	Keningau	141	176	131	112	182	210	188	167	231	193	1731
		Nabawan	18	28	21	36	0	0	68	10	25	50	256
		Beaufort	69	56	95	96	48	49	47	46	89	75	670
		Tambunan	14	16	8	14	25	17	25	11	32	31	193
		Sook	23	17	11	7	0	0	15	22	0	4	99
		Kuala Penyu	10	4	0	13	7	5	8	11	7	7	72
		Tenom	23	33	20	11	31	36	54	41	94	39	382

		Sipitang	20	17	3	29	28	19	20	24	20	38	218
		Membakut	21	7	5	19	13	13	15	37	16	19	165
		Menumbok	0	0	0	0	2	0	6	6	1	0	15
JUMLAH													3801
4	Sandakan	Sandakan	154	121	52	124	147	181	155	117	182	181	1414
		Beluran	0	0	16	54	79	47	153	266	96	106	817
		Kinabatangan	0	0	0	0	20	17	18	21	40	39	155
		Telupid	0	0	12	13	0	10	12	18	39	14	118
JUMLAH													2504
5	Tawau	Tawau	96	0	116	138	145	117	120	97	170	132	1131
		Lahad Datu	59	95	55	112	89	127	97	80	110	85	909
		Kunak	21	24	20	13	14	15	16	11	20	15	169
		Tungku	0	0	0	0	0	0	1	0	8	0	9
		Semporna	0	0	34	0	14	27	20	17	30	23	165
JUMLAH													2383
Jumlah seluruh negeri			131	136	123	171	177	200	204	193	269	241	18491
			6	5	2	3	8	7	0	2	3	5	

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), melalui Bahagian Dakwah telah berusaha untuk memberi bimbingan yang mencukupi kepada mualaf di seluruh Sabah melalui pusat-pusat dan kelas bimbingan agama. Antara pusat bimbingan agama yang dikhususkan kepada mualaf ialah Teratak Fitrah yang beroperasi di Kota Kinabalu. Badan-badan dakwah seperti USIA, YADIM dan Hidayah Centre juga terlibat secara langsung dalam memberi bimbingan berterusan kepada mualaf di Sabah.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Pengetahuan merupakan keperlakuan asasi bagi setiap umat Islam dalam memastikan hidup mereka benar-benar bertepatan dengan kehendak Allah SWT. Mualaf yang asalnya bukan Islam memerlukan pengetahuan yang jelas mengenai agama Islam bagi membolehkan mereka hidup berpandukan syariat Islam dan meninggalkan tatacara kehidupan terdahulu yang bertentangan dengan Islam. Persoalannya, apakah sumber mualaf dan setakat manakah kefahaman mereka terhadap istilah-istilah fiqh yang dianggap asas dalam ilmu fiqh?

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berobjektifkan

1. Mengetahui sumber muallaf memahami ajaran Islam
2. Mengetahui kefahaman Muallaf terhadap beberapa perkataan yang ada kaitan dengan ilmu Fiqh.

4.0 SOROTAN LITERATUR

Allah SWT memuji orang yang berilmu dan membezakan mereka daripada orang yang jahil. Firman Allah SWT:

يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ⁴

Maksudnya:

“Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah SWT Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan”.

Firman Allah SWT lagi:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ⁵

Maksudnya:

"Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui Dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Tujuan ilmu dituntut ialah untuk mengamalkannya. Rasulullah SAW mengutuk orang yang ada ilmu tapi tidak beramal dengan ilmunya. Sabda Rasulullah SAW

مَثَلُ الْعَالِمِ الَّذِي يُعَلِّمُ النَّاسَ الْحَيْرَ وَيُنْسِي نَفْسَهُ كَمَثَلِ السَّرَاحِ يُضِيءُ لِلنَّاسِ
وَيُحْرِقُ نَفْسَهُ⁶

Maksudnya:

Umpama orang berilmu yang mengajar kebaikan kepada manusia dan melupakan dirinya (tidak beramal dengan ilmunya) seperti pelita yang menerangi orang lain dan membakar diri sendiri.

Ilmu merupakan asas kepada amal. Imam al-Bukhari dalam sahihnya telah meletakkan satu bab bertajuk: Ilmu sebelum amal dan membawakan beberapa dalil dari al-Quran antaranya firman Allah SWT:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ⁷

Maksudnya:

oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (Wahai Muhammad) bahawa Sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT, dan mintalah ampun kepadanya bagi salah silap yang engkau lakukan.

Ayat ini bermula dengan ilmu dan diikuti dengan amal (beristigfar) bagi menunjukkan kepentingan ilmu sebelum amal.⁸

Melakukan sesuatu perkara tanpa ilmu boleh mendatangkan kesan negatif berbanding positif, walaupun pada asalnya niatnya adalah positif. Umar bin Abdul Aziz r.a berkata:

مَنْ عَمِلَ عَلَىٰ غَيْرِ عِلْمٍ كَانَ مَا يُفْسِدُ أَكْثَرَ مِمَّا يُصْلِحُ⁹

Maksudnya:

Sesiapa yang melakukan pekerjaan tanpa ilmu, lebih banyak mendatangkan kerosakan dari kebaikan.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan yang melibatkan kaedah kajian tinjauan menggunakan soal selidik. Chua (2006) menjelaskan bahawa kajian tinjauan sesuai dijalankan oleh pengkaji yang ingin mengetahui untuk mengukur pengetahuan, sikap, tingkah laku, pendapat dan sikap dari kumpulan subjek yang besar seperti mualaf.

Kajian menggunakan pemilihan sampel secara rawak. Sampel adalah kalangan mualaf yang berumur 18 tahun ke atas yang mengikuti pengajian di kelas-kelas bimbingan agama anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah sekitar Kota Kinabalu, Tuaran, Tamparuli, Papar, Ranau, Kudat, Matunggong, Pitas dan Kota Marudu. Sebanyak 600 borang kaji selidik telah diedarkan kepada responden dan sebanyak 580 yang lengkap diisi dan boleh dianalisis. Setelah diproses dan dibuat pembersihan data dengan menggunakan program SPSS, jumlah soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 546 sahaja.

Responden perlu menjawab soalan yang diberikan ikut skala yang ditetapkan. Dalam kajian ini Cuma dua skala digunakan iaitu 'Ya' dan 'Tidak'.

6.0 LAPORAN KAJIAN KUANTITATIF

6.1 Laporan Demografi Responden

Responden yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada mualaf sekitar bahagian pantai barat utara dan selatan negeri Sabah. Dari keseluruhan borang soal selidik yang diedarkan hanya 546 borang kaji selidik sahaja sesuai untuk diproses dan digunakan dalam kajian ini.

Berasaskan kepada demografi responden yang diambil dalam kajian ini, 58.6 peratus adalah dari etnik Kadazan/Dusun, 14.1 peratus adalah etnik Rungus, 7.3 peratus adalah etnik Murut, 4.6 peratus adalah etnik Sungai, 2.9 peratus adalah berbangsa Cina, 2.7 peratus adalah etnik Cino Kadazan, 1.3 peratus adalah etnik bisaya, 0.9 peratus adalah berbangsa India, 0.7 peratus adalah etnik Iranun, 0.5 peratus adalah etnik Idahan, 0.4 peratus adalah etnik Tidong dan 5.9 peratus daripada lain-lain etnik.

Berasaskan perbezaan kekerapan berinteraksi dengan keluarga asal pula. Seramai 14.7 peratus masih tinggal dengan keluarga asal bukan Islam, 16.8 peratus pula menziarahi keluarga asal bukan Islam setiap hari tetapi tidak tinggal bersama, 18.7 peratus menziarahi setiap minggu, 27.5 peratus menziarahi setiap bulan, 18.3 peratus menziarahi setahun sekali dan 4.0 peratus tidak pernah menziarahi ahli keluarga asal bukan Islam setelah memeluk agama Islam.

Jadual 2: Responden Berdasarkan Kepada Etnik

	Kekerapan	Peratusan
Kadazan/Dusun	320	58.6

Rungus	77	14.1
Murut	40	7.3
Lain-lain	32	5.9
Sungai	25	4.6
Cina	16	2.9
Cino Kadazan	15	2.7
Bisaya	7	1.3
India	5	0.9
Iranun	4	0.7
Idahan	3	0.5
Tidong	2	0.4
Total	546	100

Kekerapan berinteraksi atau menziarahi ahli keluarga bukan Islam	Kekerapan	Peratusan (%)
Tinggal bersama	80	14.7
Setiap hari tapi tidak tinggal bersama	92	16.8
Menziarahi setiap minggu	102	18.7
Menziarahi setiap bulan	150	27.5
Menziarahi setahun sekali	100	18.3
Tidak pernah menziarahi mereka	22	4.0
Jumlah	546	100.0

6.2 Pemilikan Buku-Buku Agama

Jadual 3 menunjukkan buku-buku agama yang dimiliki oleh Mualaf. 74.5 peratus Mualaf memiliki al-Quran, 53.8 peratus memiliki terjemahan al-Quran, 79.5 peratus memiliki Surah Yasin, 91.9 peratus memiliki buku Panduan Solat, 34.4 peratus memiliki buku Fiqh, 44 peratus memiliki buku Tauhid/Akidah dan 50.4 peratus memiliki bahan-bahan bacaan umum tentang Islam.

Jadual 3: Buku-buku Agama Yang Dimiliki Oleh Mualaf

Tandakan buku-buku agama yang anda miliki.	Ya		Tidak		Jumlah Bilangan	Jumlah Peratusan
	Kekerapan	Peratusan (%)	Kekerapan	Peratusan (%)		
al-Quran	407	74.5	139	25.5	546	100
Terjemahan al-Quran	294	53.8	252	46.2	546	100
Surah Yasin	434	79.5	112	20.5	546	100
Buku Panduan Solat	502	91.9	44	8.1	546	100
Buku Fiqh	188	34.4	358	65.6	546	100
Buku Akidah/Tauhid	240	44.0	306	56.0	546	100
Bacaan Umum Islam	275	50.4	271	49.6	546	100

6.3 Saluran Mualaf Untuk Memahami Islam

Jadual 4 menunjukkan saluran mualaf untuk memahami ajaran Islam. Dalam soal selidik yang di jalankan, mualaf dibenarkan menjawab lebih dari satu pilihan. 60.1 peratus menyatakan bahawa mereka memahami Islam melalui pembacaan sendiri, 30.8 peratus melalui bimbingan pasangan, 76.9 peratus melalui pengajian di kelas bimbingan Mualaf, 41.8 peratus melalui bimbingan guru agama di Masjid, 32.4 peratus dengan bertanya orang alim jika ada masalah agama, 54.9 peratus melalui rancangan agama di TV, 14.7 peratus melalui penulisan agama di internet dan 25.3 peratus adalah melalui pemerhatian terhadap kehidupan muslim asal.

Jadual 4: Saluran Mualaf Untuk Memahami Ajaran Islam

Saya mengetahui sebahagian besar hukum hakam Islam melalui	Ya		Tidak		Jumlah bilangan	Jumlah peratusan
	Kekerapan	Peratusan (%)	Kekerapan	Peratusan (%)		
Pembacaan sendiri	328	60.1	218	39.9	546	100
Bimbingan pasangan	168	30.8	378	69.2	546	100
Pusat bimbingan mualaf	420	76.9	126	23.1	546	100
Kuliah di Masjid	228	41.8	318	58.2	546	100
Bertanya orang alim bila ada masalah	177	32.4	369	67.6	546	100
Rancangan agama di TV	300	54.9	246	45.1	546	100
Penulisan agama di internet	80	14.7	466	85.3	546	100
Pemerhatian kepada muslim asal	138	25.3	408	74.7	546	100

Kelas bimbingan mualaf merupakan tempat majoriti responden memperolehi bimbingan agama. Jadual 5 menunjukkan kekerapan Mualaf menghadiri kelas bimbingan agama atau seumpamanya. Majoriti responden iaitu 81.9 peratus hadir sekali seminggu, 6.2 peratus hadir sekali sebulan, 3.7 peratus hadir setiap hari dan 8.2 peratus belum pernah hadir ke mana-mana kelas bimbingan agama.

Jadual 5: Kekerapan Mualaf Menghadiri Kelas Bimbingan Mualaf atau Seumpamanya

	Kekerapan	Peratusan
Belum pernah hadir	45	8.2
Setiap hari	20	3.7
Sekali seminggu	447	81.9
Sekali sebulan	34	6.2
Total	546	100.0

6.4 Kefahaman Mualaf Terhadap Beberapa perkataan yang ada kaitan dengan ilmu Fiqh

Jadual 6 menunjukkan kefahaman mualaf terhadap beberapa istilah fiqh. Hanya 7.7 peratus responden faham maksud perkataan ‘Hadanah’, 13.9 peratus responden faham maksud perkataan ‘Faraid’, 28 peratus faham maksud perkataan ‘Ahli Kitab’, 32.8 peratus faham maksud perkataan ‘Iddah’, 33.7 peratus faham maksud perkataan ‘Mughallazah’, 53.5 peratus faham maksud perkataan ‘Samak’, 69 peratus faham maksud perkataan ‘Muhrim/mahram’ dan 87.9 peratus faham maksud perkataan ‘Aurat’.

Jadual 6: Kefahaman Mualaf Terhadap Beberapa Perkataan Yang Ada Kaitan Dengan Fiqh

Adakah anda faham maksud perkataan berikut?	Ya		Tidak		Jumlah	
	Kekerapan n	Peratusan (%)	Kekerapan n	Peratusan (%)	Kekerapan n	Peratusan (%)
Hadanah	42	7.7	504	92.3	546	100
Faraid	76	13.9	470	86.1	546	100
Ahli Kitab	153	28	393	72	546	100
Iddah	179	32.8	367	67.2	546	100
Mughallazah	184	33.7	362	66.3	546	100
Samak	292	53.5	254	46.5	546	100
Muhrim/Mahram	377	69	169	31	546	100
Aurat	480	87.9	66	12.1	546	100

Jadual 7 menunjukkan kefahaman responden terhadap perkataan ‘Ahli Kitab’ berdasarkan kekerapan mereka menghadiri kelas bimbingan agama. Kajian menunjukkan responden yang faham maksud perkataan tersebut hanya 40.0 peratus dari mereka yang hadir setiap hari, 28.2 peratus mereka yang

hadir seminggu sekali 26.5 peratus dari mereka yang hadir sebulan sekali dan 22.2 peratus dari responden yang tidak pernah hadir ke kelas bimbingan agama.

Jadual 7: Kefahaman terhadap maksud kalimah Ahli Kitab berdasarkan kekerapan menghadiri kelas bimbingan agama.

Kekerapan menghadiri kelas bimbingan * Ahli Kitab		Ahli Kitab		Jumlah
		Ya	Tidak	
Belum pernah hadir	Bil.	10	35	45
	%	22.2%	77.8%	100.0%
Setiap hari	Bil.	8	12	20
	%	40.0%	60.0%	100.0%
Sekali seminggu	Bil.	126	321	447
	%	28.2%	71.8%	100.0%
Sekali sebulan	Bil.	9	25	34
	%	26.5%	73.5%	100.0%
	Bil.	153	393	546
	%	28.0%	72.0%	100.0%

Jadual 8 pula menunjukkan kefahaman responden terhadap maksud kalimah ‘Mughallazah’ berdasarkan kekerapan mereka menghadiri kelas bimbingan agama. Cuma 35.0 peratus sahaja yang faham maksud perkataan tersebut dari kalangan responden yang hadir ke kelas bimbingan setiap hari, 34.2 peratus yang hadir seminggu sekali, 32.4 peratus dari mereka yang hadir sebulan sekali dan 28.9 peratus dari mereka yang tidak pernah hadir.

Jadual 8: Kefahaman responden terhadap maksud kalimah ‘Mughallazah’ berdasarkan kekerapan menghadiri kelas bimbingan agama.

Kekerapan menghadiri kelas bimbingan * Mughallazah		Mughallazah		Total
		Ya	Tidak	
Belum pernah hadir	Bil.	13	32	45
	%	28.9%	71.1%	100.0%
Setiap hari	Bil.	7	13	20
	%	35.0%	65.0%	100.0%
Sekali seminggu	Bil.	153	294	447
	%	34.2%	65.8%	100.0%
Sekali sebulan	Bil.	11	23	34
	%	32.4%	67.6%	100.0%
	Bil.	184	362	546
	%	33.7%	66.3%	100.0%

7.0 RUMUSAN

7.1 Pemilikan Buku-Buku Agama

Dapatan kajian menunjukkan masih ramai muallaf yang tidak memiliki buku-buku asas dalam memahami ajaran Islam. Lebih separuh tidak memiliki buku tauhid/akidah dan buku fiqh yang merupakan rujukan utama dalam memahami akidah Islam dan hukum-hakam Islam. Masih terdapat responden yang tidak memiliki al-Quran dan terjemahannya.

Majoriti responden hanya memiliki buku-buku yang memfokus kepada ibadah solat dan surah Yasin, pastinya kedua-dua buku tersebut tidak memadai untuk memahami ajaran Islam yang luas. Ini menunjukkan kecintaan kepada buku agama dan ilmu pengetahuan masih perlu dipertingkatkan dalam kalangan muallaf di Sabah.

7.2 Saluran Muallaf Untuk Memahami Ajaran Islam

Dapatan kajian menunjukkan majoriti muallaf memperolehi pengetahuan agama Islam melalui pusat bimbingan muallaf. Pusat-pusat bimbingan tersebut digerak dan diurus oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan badan-badan dakwah yang lain yang giat aktif membimbing muallaf di Sabah.

Rancangan agama di TV juga merupakan sumber utama bagi majoriti responden dalam kajian ini memahami ajaran agama. Kemudahan siaran TV mudah di akses di Sabah sama ada TV tidak berbayar ataupun yang berbayar. Kemunculan TV ALHIJRAH dan OASIS yang memfokuskan siaran mereka kepada rancangan berbentuk keagamaan, memudahkan masyarakat Islam termasuk muallaf memperolehi kefahaman agama.

Dapatan kajian juga menunjukkan hanya sedikit sahaja responden yang merujuk kepada penulisan di internet untuk memahami ajaran Islam. Dapatan kajian tersebut adalah logik memandangkan kemudahan internet tidak dapat di akses dengan baik di seluruh negeri Sabah.

Dapatan kajian ini menunjukkan keperluan memperkasa kelas-kelas bimbingan yang ada dan rancangan keagamaan di TV khususnya yang berkaitan dengan keperluan pengetahuan muallaf. Pengetahuan asas tentang Islam perlu disusun dengan bentuk yang mampu menarik minat muallaf mendalami ajaran agama. Kajian mengenai keberkesanan setiap program yang disusun di pusat-pusat bimbingan muallaf dan rancangan TV perlu dilakukan, program yang kurang mendatangkan minat atau keberkesanan kepada muallaf perlu ditukar dengan program dan rancangan lain yang lebih efisien.

7.3 Kekerapan Menghadiri Kelas Bimbingan Agama.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden menghadiri kelas bimbingan agama sama ada setiap hari, sekali dalam seminggu atau sekali dalam sebulan. Namun masih terdapat responden yang belum pernah menghadirkan diri ke mana-mana kelas bimbingan yang terdapat di Pantai Barat Sabah. Walaupun jumlah mereka kecil iaitu 8.2 peratus sahaja, jumlah yang kecil tersebut boleh menjadi fitnah kepada komuniti muallaf andainya perlakuan mereka tidak bertepatan dengan ajaran Islam.

7.4 Kefahaman terhadap beberapa perkataan yang ada kaitan dengan ilmu fiqh

Dapatan kajian menunjukkan masih ramai dalam kalangan responden yang tidak tahu maksud beberapa perkataan yang ada kaitan dengan ilmu Fiqh. Lebih separuh responden tidak faham maksud perkataan 'Hadanah', 'Faraid', 'Ahli Kitab', 'Iddah' dan 'Mughallazah'. Perkataan 'Ahli Kitab' contohnya perlu difahami oleh mualaf yang asalnya beragama Kristian dan masih berinteraksi dengan ahli keluarga yang beragama Kristian. Walaupun terdapat khilaf fuqaha dalam menentukan status ahli Kitab dalam kalangan orang Kristian dan Yahudi di masa kini, ketidak fahaman terhadap maksud perkataan tersebut menandakan majoriti responden tidak pernah belajar sesuatu yang ada kaitan dengan hukum-hakam ahli Kitab.

Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden yang tidak fahaman maksud perkataan 'Ahli Kitab' dan 'Mughallazah' adalah dari kalangan mereka yang menghadiri kelas-kelas bimbingan agama. Perkataan-perkataan tersebut adalah contoh mudah untuk memahami tahap kefahaman asas mualaf. Jika diandaikan ketidak fahaman mereka terhadap perkataan 'Ahli Kitab' dan 'Mughallazah' menandakan mereka lagi tidak memahami pendetailan hukum yang berkaitan dengan perkataan tersebut, dapatan kajian ini menunjukkan pengetahuan responden berada pada tahap kritikal. Semua pihak yang terlibat dalam gerak kerja dakwah terhadap mualaf perlu melipat gandakan usaha untuk memastikan mualaf di Sabah memperolehi bimbingan yang mencukupi agar mereka mampu menjalani kehidupan sebagai seorang muslim berpandukan syariah.

8.0 KESIMPULAN

Masih banyak yang perlu dilakukan oleh pendakwah dan badan-badan dakwah di Sabah dalam usaha meningkatkan tahap kefahaman mualaf terhadap ajaran agama Islam. Kejahilan yang berterusan boleh membawa fitnah kepada gambaran Islam sebenar. Apatah lagi majoriti mualaf dalam kajian ini masih lagi kerap berinteraksi dengan keluarga asal mereka yang bukan beragama Islam. Segala tindak tanduk mereka dianggap terhasil dari ajaran Islam sedangkan hakikat sebaliknya.

¹ Muhiddin Yusin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

² James P. Ongkili. 1972. *Pre-Western Brunei, Sarawak and Sabah*. Dalam *The Sarawak Museum Journal*. Vol. XX (40-41).

³ Suraya Sintang. 2005. *Sejarah Perkembangan Mualaf Di Sabah : Peranan Dan Sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association)*. *Jurnal al-Tamaddun*, Universiti Malaya. Volume 1, Isu 1.

⁴ al-Quran, Surah al-Mujaadilah 58:11.

⁵ al-Quran, Surah al-Zumar 39:9.

⁶ Riwayat al-Tobrani, Sulaiman bin Ahmad. t.th. *al-Mu'jam al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah. No. 1681. Jil. 2, hal.165. (al-Albani: Sahih. *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*. Riyad: Maktabah al-Maarif. Jil. 7, hal.1133).

⁷ al-Quran, Surah Muhammad 47:19.

⁸ al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Jil. 1, hal.24

⁹ Ibn Saad, Muhammad bin Saad. 1990. *al-Tobaqat al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jil. 5, hal.289.